

# FLEXIJOINT 3-IN-1 JOINT CARE TABLET

Glucosamine HCl / Chondroitin Sulfate / Methylsulfonylmethane (500mg / 400mg / 300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet
2. Bagaimana flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet
4. Cara mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet
5. Semasa mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet
6. Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan pelupusan flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet

flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet digunakan sebagai terapi tambahan untuk osteoarthritis.

## Bagaimana flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet berfungsi

flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet mengandungi Glucosamine yang membentuk tisu rawan dalam badan dan memberi aktiviti perinciran dengan meningkatkan pengeluaran bendalir sinovia. Chondroitin adalah komponen struktur rawan yang penting dan memberikan ketahanan terhadap pemampatan. MSM dapat menghentikan proses peradangan dan sering diguna dalam melegakan kesakitan sendi artritis.

## Sebelum mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil produk ini jika anda alergi (hipersensitiviti) terhadap Glukosamin, Kondroitin dan MSM. Produk ini tidak sesuai untuk mereka yang alergi kepada kerang-kerangan.

### - Sebelum mula mengambil

Produk ini patut diambil di bawah penyeliaan perubatan bagi wanita yang mengandung dan menyusukan. Administrasi bagi trimester pertama kehamilan perlu dielakkan.

### - Jika mengambil ubat- ubatan lain

Glukosamin mungkin mengurangkan keberkesanan agen antidiabetik seperti: Acarbose, Acetohexamide, Chlorpropamide, Glipizide, Glyburide, Metformin, Miglitol, Pioglitazone, Repaglinide, Rosiglitazone, Glimepiride, Tolbutamide dan Troglitazone. Glukosamin mungkin juga mengurangkan keberkesanan agen antikanser seperti Doxorubicin, Etoposide dan Teniposide. Glukosamin meningkatkan kesan Warfarin sekiranya diambil bersama.

## Cara mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Simptom osteoarthritis yang ringgan dan sederhana: Ambil 1 tablet 2 kali sehari sebelum makan sekurang-kurangnya 6 minggu.

Simptom osteoarthritis yang serius: Ambil 1 tablet 3 kali sehari sebelum makan sekurang-kurangnya 8 hingga 12 minggu. Terapi pengekalan: Ambil 1 tablet 2 kali sehari sebelum makan diikuti 3 hingga 4 bulan.

### - Bila perlu diambil

Boleh diambil sebelum makan.

### - Berapa lama perlu diambil

Sila mengikuti nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa ambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet, ambilkannya apabila anda teringat. Jangan cuba beri dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada maklumat yang terlebih dos dilaporkan.

## Semasa mengambil flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Untuk merawat osteoarthritis, adalah dinasihati supaya mengambil ubat penahan sakit dan anti inflamasi bersama tempoh rawatan selama 2 atau 3 minggu sekiranya diperlukan sebab kesan terapi hanya boleh diperhatikan selepas 2 hingga 3 minggu.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Keselamatan dan keberkesanan belum ditentukan untuk kanak-kanak. Oleh itu kanak-kanak harus elak menggunakannya.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Pemberian pada pesakit mengalami masalah hati atau buah pinggang harus dilakukan di bawah pengawasan perubatan semasa mengambil produk ini.

## Kesan Sampingan

Kesan sampingan di bawah telah dilaporkan:

Bengkak pada bahagian bawah kaki atau tangan, denyutan jantung yang cepat

- Mengantuk, sakit kepala, insomnia
- Mual, muntah, cirit-birit, senak atau sakit perut, sembelit, pedih ulu hati dan gangguan makan.
- Kulit kemerahan dan gatal-gatal

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan flexijoint 3-in-1 Joint Care Tablet

### - Penyimpanan

- Simpan di bawah 30°C.
- Jauhkan daripada cahaya, kepanasan dan kelembapan.
- Jauhkan daripada capaian kanak-kanak

### - Pelupusan

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput. Tarikh luput selalunya dicetak pada label dan kotak ubat.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet berwarna putih ke putih pudar dan berbentuk berlian dengan skor pada kedua-dua belah.

### - Bahan-bahan

Bahan-bahan aktif  
Setiap tablet mengandungi Glucosamine HCl 500mg, Chondroitin Sulfate 400mg dan Methylsulfonylmethane 300mg.

Bahan-bahan tidak aktif  
Microcrystalline Cellulose, Copovidone, Crospovidone, Colloidal Silicon Dioxide, Polyethylene, Glycol 6000, Magnesium Stearate, Isopropyl Alcohol.

### - Nombor MAL:

MAL21066039X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Winwa Medical Sdn. Bhd.  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam,  
Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/12/2025

## Nombor Siri:

NPRA(R2)21/023